



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 2/2024

**LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PERUBATAN
TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT & K)**

1. Berkuat kuasa mulai **1 September 2018 hingga 29 Februari 2024**, selaras dengan seksyen 34(3)(a) dan seksyen 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan (ACP) 2018, YB Menteri Kewangan memberikan pengecualian seperti berikut:
 - i. Penerima perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT & K) di bawah Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (PCP) 2018 dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan;
 - ii. Pengamal PT & K dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan PT & K;
 - iii. Pengecualian ini adalah terhad bagi premis/kemudahan jagaan kesihatan yang diuruskan/dikendalikan oleh pengamal PT & K yang berdaftar dengan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] dan menjalankan aktiviti PT&K seperti berikut:
 - a. Perubatan Tradisional Melayu;
 - b. Perubatan Tradisional Cina;
 - c. Perubatan Tradisional India;
 - d. Homeopati;
 - e. Kiropraktik;
 - f. Osteopati; dan
 - g. Amalan Pengubatan Islam.
 - iv. Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan bermula 1 September 2018 hingga 29 Februari 2024 mesti diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berdasarkan seksyen 26, ACP 2018; dan
 - v. Tiada bayaran balik (*refund*) cukai perkhidmatan diluluskan kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan.

2. Selaras dengan peruntukan seksyen 40(2), ACP 2018, Ketua Pengarah Kastam memberikan kelulusan remisi penalti secara '*blanket*' ke atas perkhidmatan PT & K bagi pengamal PT & K terlibat (sekiranya ada) yang tidak berdaftar atau yang telah berdaftar tetapi tidak mengenakan dan meremit cukai perkhidmatan bagi tempoh dari 1 September 2018 hingga 29 Februari 2024.
3. Bagi tempoh mulai **1 Mac 2024 sehingga pindaan ke atas PCP 2018 dikuatkuasakan**, selaras dengan seksyen 34(3)(a) dan seksyen 34(4), ACP 2018, Menteri Kewangan memberikan pengecualian seperti berikut:
 - i. Penerima perkhidmatan perubatan dan komplementari (PT & K) di bawah Kumpulan C, Jadual Pertama, PCP 2018 dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan;
 - ii. Pengamal PT & K dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan PT & K;
 - iii. Pengecualian ini adalah terhad bagi premis/kemudahan jagaan kesihatan yang diuruskan/dikendalikan oleh pengamal PT & K yang berdaftar dengan Akta 775 dan menjalankan aktiviti PT&K seperti di para 1(iii)(a-g).

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA